

SIARAN AKHBAR
Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful meneruskan program tanggungjawab sosial di Kampung Orang Asli Sg Gabong

22 Jun 2020, Kuala Lumpur – Selaras dengan konsep Takaful, iaitu muafakat untuk saling membantu mereka yang memerlukan, Great Eastern Takaful Berhad telah menyampaikan makanan dan pelbagai barangan keperluan kepada 96 buah keluarga di Kampung Orang Asli Sg Gabong, Bentong, Pahang pada 20 Jun.

Jabatan Pertanian Bentong turut memberi sokongan dengan menyampaikan ceramah kepada penduduk tempatan mengenai amalan terbaik di dalam pertanian. Pegawai Jabatan, Encik Anwar Abdul Karim mengedarkan biji kacang panjang, sawi dan jagung secara percuma kepada komuniti yang berminat untuk bertani.

Dalam nasihat beliau, Anwar berkata: “Jika anda gagal dalam usaha awal, maka cuba dan cuba lagi. Jagalah tanaman ini seperti mana anda menjaga diri anda sendiri.”

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful Berhad, Encik Shahrul Azlan Shahrman telah menyampaikan pakej barang keperluan kepada wakil keluarga yang berada di situ. Barang-barang keperluan harian seperti beras, tepung, minyak masak, sardin, sabun berus gigi dan ubat gigi telah disumbangkan oleh warga kerja Great Eastern Malaysia.

“Anda telah menjadi keluarga kami. Kami telah memulakan CSR kami di sini sejak 3 tahun yang lalu dengan menyediakan panel solar, penapis air dan mendirikan perpustakaan kanak-kanak. Kami ikhlas dalam usaha kami dalam membantu memperkasakan anda ke arah kehidupan yang lebih baik.”

“Apa yang penting kepada kami ialah kelangsungan, kami ingin terus menyokong anda. Hari ini kami telah menjemput seorang pakar dari Jabatan Pertanian Bentong untuk berkongsi amalan terbaik untuk membantu anda berjaya dalam usaha pertanian anda,” tambahnya.

Great Eastern Takaful telah menyokong komuniti di sini sejak 2018, bermula dengan menyediakan lampu berkuasa solar dan sistem pembersihan air. Ini diikuti dengan mendirikan sudut bacaan untuk kanak-kanak dan belia, mencerikan dewan komuniti dan mengatur acara, antaranya, program kebersihan mulut dan pertandingan bercerita kanak-kanak untuk memupuk sifat keyakinan mereka.



03 4259 8338



03 4259 8338



Careline 1 300 13 8338



www.greastertakaful.com



i-greatcare@greastertakaful.com

Pada Oktober yang lalu, seramai 60 sukarelawan dari Great Eastern Takaful telah membantu 20 keluarga menanam sebanyak 2,000 anak benih cili sebagai usaha untuk mempelbagaikan pendapatan mereka.

Program pemberdayaan wanita juga telah berlangsung sejak pertengahan 2019, di mana para wanita di dalam komuniti tersebut disediakan beg jut dan diajar teknik sulaman. Beg tersebut kemudian dijual kepada pekerja Great Eastern Takaful. Projek ini masih berjalan, di mana para wanita diajar untuk melabur semula pendapatan dari menjual beg untuk mengembangkan bisnes mereka.

Wakil dari *mySalam* juga turut hadir untuk membantu empat penerima skim perlindungan takaful kerajaan yang layak mengemukakan tuntutan, setelah dimasukkan ke hospital baru-baru ini.

Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut dan mengetahui manfaat *mySalam*, sila layari: <https://www.mysalam.com.my/b40/info/>

Berkenaan Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, syarikat ini telah berjaya melangkah jauh di mana ia dinamakan *Best New Islamic Institution* pada 2011; *Best New Takaful Institution* pada 2012; dan *Best Takaful Operator (Asia)* pada 2013 di Islamic Business & Finance Awards di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad dianugerahkan *Fastest Growing Takaful Company in Malaysia* oleh International Finance, sebuah terbitan analisis dan perniagaan premium di United Kingdom dan *Takaful Solutions Provider of the Year - South East Asia Award* oleh Wealth & Finance International dari United Kingdom.

Untuk pertanyaan media, sila emel : annjennifergomez@greateastertakaful.com

Great Eastern Takaful Berhad (916257-H)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur